

01 MAY 1996

Pekerja-Poskad

PEKERJA LADANG KUMPUL 1/2 JUTA POSKAD BUKTI SOKONGAN

KLANG, 1 Mei (Bernama) -- Kalangan pekerja ladang memulakan usaha mengumpulkan setengah juta poskad untuk diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membuktikan sokongan kepada tuntutan mereka termasuk bagi mendapatkan gaji minimum RM750 sebulan.

Pengumpulan poskad itu yang diusahakan oleh Jawatankuasa Sokongan Masyarakat Ladang melibatkan pekerja di semua 1,500 buah estet yang dijangka dapat dicapai dalam masa dua tahun.

Jurucakap jawatankuasa itu, A. Sivarajan berkata hari ini poskad itu memaparkan lima tuntutan pekerja ladang bagi mendapatkan perhatian supaya kerajaan menetapkan garis panduan bagi perbincangan mengenai gaji dan faedah lain antara pekerja ladang dengan majikan.

Selain mengenai gaji minimum itu, tuntutan itu juga meliputi kenaikan gaji minimum RM50 setahun, bonus tahunan minimum sebulan gaji, faedah persaraan RM1,000 bagi setiap tahun perkhidmatan dan rumah ganti serta pampasan bagi pekerja apabila ladang dijual atau dimajukan.

"Kami percaya kerajaan boleh melaksanakan garis panduan untuk perbincangan dengan majikan ladang ke arah mencapai tuntutan itu," katanya kepada pemberita pada perhimpunan sempena Hari Pekerja 1996 di Boon Hean Estate, Bukit Raja.

Beberapa ratus pekerja ladang dari Selangor dan Perak berhimpun secara aman di pekarangan kuil di estet itu sebelum berarak membawa poster lima tuntutan mereka dan membaca tuntutan itu beramai-ramai.

Anggota polis kelihatan berkawal di sekitar kuil dan dewan itu.

Sivarajan berkata jawatankuasa itu telah menulis surat meminta kebenaran daripada pihak pengurusan estet itu untuk menganjurkan sambutan Hari Pekerja di situ tetapi tidak mendapat jawapan. -- BERNAMA

MNY NMO